



Lakidundee juara softbol B-25

Oleh Rosli Ilham

sukan@mediaprima.com.my

Dungun: Kelab Lakidundee dari Jakarta Indonesia muncul juara kategori lelaki bawah 25 tahun Kejohanan Softbol Jemputan Politeknik Kementerian Pelajaran Malaysia di Politknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), di Dungun semalam.

Pasukan itu yang kebanyakannya dibarisi pelajar dari Universiti Kendari, Sulawesi menumpaskan pa-

sukan Sofbol Universiti Putra Malaysia (UPM) 7-4 sekaligus membawa pulang wang tunai RM1,000, piala dan medal.

UPM pula meraih RM500, piala irungan dan medal sebagai naib juara, ketiga PSMZA dan keempat Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Sebelum melangkah ke final Lakidundee menumpaskan PSMZA 3-1 manakala UPM mengatasi UiTM 5-3.

Bagi kategori wanita pula,

hasrat pasukan kelab dari Jakarta, Prambros untuk mengikut jejak Lakidundee tidak berjaya selepas tewas kepada UiTM 2-7.

Sebanyak 12 pasukan IPTA bertarung dalam kategori lelaki, mananakala wanita lima pasukan.

Hadiyah disampaikan Pengarah Bahagian Korikulum dan Latihan Kerjaya Politeknik Malaysia, Mohd Ghaus Ab Kadir sambil diringi Pengarah PSMZA Mohd Fauzi Ibrahim.